



**TAHNIAH** Kumpulan Inovatif dan Kreatif AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana menerima anugerah Emas semasa Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat UiTM, 2016. - m/s 3...

## Antara Menarik di Dalam



**PRODUK INOVASI 2010 -2016**  
Perpustakaan Tun Dr Ismail  
m/s 5



**BERITA KAMPUS PASIR GUDANG**  
Perpustakaan Tun Dr Ismail  
m/s 9



**LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN**  
Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail  
m/s 14

## Keberkatan rezeki

Ramai yang tersenyum lebar apabila tibanya tanggal 25hb. “Alhamdulillah, gaji dah masuk.” Namun demikian, ramai juga yang kembali stress seminggu selepas gaji. Belumpun hujung bulan, poket dah kering. Tak tahu dimana silapnya sampai duit gaji tidak pernah cukup. Pelbagai petua penjimatan dah buat, tetapi ada saja tak kena. Jangan kata nak menyimpan, bayar bil utiliti pun kadang-kadang sangkut.

### Adakah rezeki yang kita perolehi itu berkat?

Tahukah kamu, rezeki bukan sekadar wang, harta, pangkat sahaja sebaliknya jodoh, kedudukan, kesihatan, pekerjaan juga adalah rezeki. Soalnya, adakah wang gaji / upah yang kita terima dan dibawa pulang ke rumah untuk diberi makan kepada anak isteri itu berkat dan halal?

Dalam dunia hari ini, ramai yang menolak makan babi, minum arak, rasuah tetapi masih ada yang tidak sedar adakah mereka telah menggunakan waktu 8 jam bekerja yang dibayar majikan dengan melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan bersungguh-sungguh. Sebaliknya apa yang berlaku ialah pelbagai masalah di tempat kerja seperti curi tulang, datang lewat, malas, kerja tidak mencapai kualiti, melakukan kerja lain sewaktu dalam masa bekerja, main-main, dengki, irihati dan seumpamanya.

Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama melakukan audit diri. Terdapat beberapa cara agar rezeki menjadi lancar, berkat dan halal. Antaranya ialah :

#### 1. Menjauhi perkara haram.

Sabda Rasulullah saw bermaksud, “Dan seorang lelaki akan diharamkan baginya rezeki kerana dosa yang dibuatnya.” riwayat at-Tirmizi. Jelas, setiap manusia haruslah taat kepada Allah swt dan tidak melakukan dosa kerana dosa-dosa yang dilakukan akan menutup pintu rezeki.

#### 2. Perbanyakkan beristigfar.

Riwayat Imam Ahmad, “Barang siapa memperbanyak istigfar, maka Allah swt akan menjadikan setiap kesulitan kelapangan dan setiap kesempitan jalan keluar dan Allah akan memberinya rezeki dari jalan yang tidak pernah disangka-sangka.”

#### 3. Perbanyakkan bersedekah

“ Tidak akan berkurang harta seseorang kerana sedekah dan tiadalah seseorang membuka pintu meminta-minta melainkan Allah akan membukakan kepadanya pintu kemiskinan.” Riwayat al-Tirmizi. Bersedekahlah kerana dalam rezeki yang kita perolehi juga ada hak orang lain. Percayalah, Allah akan luaskan rezeki kita apabila kita memberi sedekah. Tapi ingat, bersedekah dengan ikhlas bukannya menunjuk-nunjuk.

#### 4. Bagi duit kepada ibu bapa

Jangan berkira memberi sumbangan kepada ibubapa. Sedikit atau banyak juga bukan soalnya, tetapi berilah duit kepada mereka mengikut jumlah yang kita mampu. Pemberian setiap bulan akan membuat ibu bapa gembira dan pastinya mereka akan mendoakan kesejahteraan kita. Doa ibu bapa akan meluaskan lagi rezeki kita.

#### 5. Solat Dhuha

Orang kata, nak kaya, nak sihat, solat Dhuha dengan konsisten. Solat Dhuha boleh dibuat 2 rakaat atau 4 rakaat mengikut kemampuan kita. Luangkanlah masa 10 hingga 15 minit sehari meminta agar Allah limpahkan nikmatnya kepada kita.

Wallahualam...